

SOALAN NO: 198

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN****DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [BARAM]****SOALAN : 198**

PR-1353-T01338

Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan rancangan penyediaan kemudahan telefon di Long Segah Sungai Selaan, Long Moh Ulu Baram, Long Spigen Selunggoh, Long Apu Ulu Baram, Long Julan Ulu Baram dan Long Palai Ulu Baram. Nyatakan bila kemudahan akan disediakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, kemudahan telefon dan internet hanya terdapat di Long Moh Ulu Baram di bawah projek 1GOV yang dikendalikan oleh MAMPU di mana kawasan ini menggunakan teknologi satelit VSAT (*Very Small Aperture Terminal*) melalui projek Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP) yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Infrastruktur bagi projek ini adalah di bawah penyeliaan Telekom Malaysia Berhad.

196

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2017 Kementerian Kerja Raya telah memperuntukkan sebanyak **RM107.3 juta** bagi tujuan naik taraf dan penyelenggaraan Jalan-jalan Persekutuan di negeri Perak. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM70.09 juta** telah diperuntukkan kepada Jabatan Kerja Raya Perak untuk melaksanakan kerja-kerja rutin, berkala pavemen, berkala bukan pavemen dan kecemasan kecil penyelenggaraan Jalan Persekutuan di negeri Perak. Manakala sejumlah **RM31.1 juta** telah diperuntukkan bagi kerja-kerja menaiktaraf jambatan di Jalan Persekutuan negeri Perak. Selebihnya peruntukan bagi kerja-kerja penyelenggaraan cerun di negeri Perak ialah sebanyak **RM6.085 juta**.

Kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Persekutuan sedang berjalan mengikut jadual dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan November 2017. Maklumat perincian peruntukan penyelenggaraan Jalan Persekutuan di negeri Perak bagi tahun 2017 ialah seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Peruntukan Tahunan Kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Persekutuan bagi Negeri Perak

TAHUN	RUTIN	BERKALA PAVEMEN	BERKALA BUKAN PAVEMEN	*KECEMASAN	JUMLAH
2017	RM 34.73 JUTA	RM 30.31 JUTA	RM 4.84 JUTA	RM 0.21 JUTA	RM 70.09 JUTA

*Nota: Peruntukan kecemasan tahun 2017 sehingga bulan Jun 2017 sahaja

Sekian, terima kasih.